



KEMENTERIAN KERJA RAYA

---

# KENYATAAN MEDIA

## KKR PASTIKAN PROJEK HOSPITAL PENGAJAR UNIMAS SIAP IKUT JADUAL

**KOTA SAMARAHAN, SARAWAK** – YB Datuk Seri Dr. Ahmad Bin Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya hari ini telah turun padang bagi meninjau kemajuan kerja Projek Pembinaan dan Penyiapan Hospital Pengajar dan Pusat Kesihatan Prima (PKP) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Kota Samarahan, Sarawak. Turun Padang Pemimpin meninjau projek dalam pembinaan adalah rutin dan budaya KKR dalam memastikan projek dapat disiapkan mengikut jadual disamping menyelesaikan permasalahan yang mungkin timbul di lapangan yang boleh menggugat pengurusan dan perjalanan projek

2. Projek yang bernilai RM 485.99 Juta ini dilaksanakan secara reka dan bina oleh kontraktor yang dilantik iaitu Perbena Emas Sdn Bhd manakala Pasukan Projek Khas 2, Jabatan Kerja Raya Malaysia bertindak sebagai agensi pelaksana projek.

3. Projek ini dilaksanakan dalam 2 Fasa. Fasa 1 yang telah siap dan diserahkan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada 13 Jun 2024. Ianya terdiri daripada Pusat Kesihatan Prima (PKP) yang juga berfungsi sebagai pusat kesihatan harian untuk mengendalikan kes-kes kesihatan tidak kritikal. PKP ini juga mempunyai kemudahan seperti Bilik X-Ray, Klinik Batuk, Klinik Mata, Klinik Warga, Makmal Perubatan serta Bilik Pemeriksaan Kesihatan Awam. Selain PKP, skop utama Fasa 1 turut meliputi komponen bangunan seperti Surau, Creche, Kafeteria, Pondok Pengawal, Bangunan Mekanikal dan Elektrik serta Tangki Air Aras Tinggi.

4. Fasa 2 merupakan Bangunan Utama Hospital Pengajar UNIMAS dengan kapasiti 300 katil yang dijangka siap sepenuhnya pada 12 November 2026. Kemajuan semasa projek terkini adalah 66.17% bersamaan 3 hari awal daripada jadual.

5. Apabila siap sepenuhnya nanti, projek ini akan dapat menyokong ekosistem pengajaran dan pembelajaran bagi bidang perubatan dan Sains Kesihatan UNIMAS serta dapat memberi kemudahan kesihatan kepada penduduk di 4 bahagian iaitu Samarahan, Kuching, Serian dan Sri Aman.

6. KKR menerusi Pasukan Projek Khas 2, Jabatan Kerja Raya Malaysia akan terus memantau dengan rapi kemajuan projek ini serta menjalankan sesi libat urus yang berterusan dan pemeriksaan berkala bagi memastikan projek ini dapat disiapkan mengikut masa, kos dan kualiti yang ditetapkan .

7. Pendekatan ini dilaksanakan dengan semangat Malaysia MADANI yang menekankan prinsip prihatin dan ihsan terhadap keperluan rakyat. Usaha ini penting bagi mempercepatkan manfaat yang bakal dirasakan oleh warga UNIMAS dan komuniti tempatan, sekaligus menyumbang kepada pembangunan rakyat yang sihat dan sejahtera.

#Tamat#

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**6 SEPTEMBER 2025**

#KKR  
#KearahKesejahteraanRakyat  
#KerajaanMADANI  
#MADANIBekerja  
#KerajaanMADANIrakyatdisantuni  
#MyJALAN